

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SPU348 : Peranan Kuasa-Kuasa Besar Di Asia Tenggara

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Soalan (1) adalah **WAJIB** dan pilih **DUA** soalan dari Soalan-soalan Pilihan.

**SOALAN WAJIB**

1. Perkembangan politik antarabangsa baru-baru ini mungkin akan mengenepikan teori-teori klasik seperti "perang dingin" dan "imperialisme" yang lama telah digunakan oleh sarjana untuk menjelaskan fenomena politik antarabangsa. Adakah anda setuju? Pilih salah **satu** teori klasik tersebut dan utarakan hujah-hujah anda tentang mengapa teori itu masih bernalas atau tidak.

[100 markah]

**SOALAN-SOALAN PILIHAN**

Pilih **DUA** sahaja.

2. Kenalpastikan doktrin-doktrin di sebalik peranan dan penglibatan Amerika Syarikat di Vietnam daripada 1954 - 1975. Pada pendapat anda adakah doktrin-doktrin itu masih digunakan sebagai panduan untuk dasar Amerika terhadap Dunia Ketiga pada hari ini? Mengapa?

[100 markah]

3. Pergolakan politik di Kesatuan Soviet telah banyak mempengaruhi dasar luarnya. Apakah anda fikirkan merupakan kepentingan nasional kuasa itu terhadap Asia Tenggara pada tahun 1960an dan 70an berbanding dengan masakini (1990an)?

[100 markah]

...2/-

4. Dasar luar China memperlihatkan tahap "keras" dan "lembut"nya. Pilih dua tempoh perlaksanaan dasar tersebut serta menyentuhkan kepada peristiwa-peristiwa tertentu yang menunjukkan kekerasan dan kelembutan dasar terhadap kuasa-kuasa besar lain dan negara-negara Asia Tenggara.

[100 markah]

5. Dua teori yang pernah diketengahkan mengenai peranan Jepun di Asia Tenggara ialah imperialisme dan pembahagian buruh (kerja) antarabangsa baru. Pada pendapat anda teori yang mana adalah lebih sahih untuk menyifatkan kedudukan kepentingan ekonomi Jepun di rantau Asia Tenggara hari ini?

[100 markah]

6. Sekiranya anda adalah seorang penasihat kanan kepada Presiden Corazon Aquino bagaimanakah anda akan menasihatkan beliau terhadap pendudukan pangkalan militer Subic Amerika Syarikat di Filipina? Sentuhkan kepada perkembangan yang terbaru mengenai persoalan ini dan utarakan hujah-hujah yang kukuh bagi tindakan-tindakan yang hendak diperakui kepada Presiden anda.

[100 markah]

- oo oo oo -